

KARNIVAL RAKAN SUKAN UMS TAWARKAN
HADIAH MENARIK.

SABAH TIMES: 28.07.1999

Karnival Rakan Sukan UMS tawarkan hadiah menarik

KOTA KINABALU: Karnival Rakan Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dianjurkan sempena Konvokesyen pertamanya dan akan berlangsung dari 7 Ogos hingga 5 September 1999 menyediakan pelbagai hadiah menarik seperti wang tunai, hamper dan medal yang bernilai lebih RM15,000.00 tunai untuk dimenangi oleh para peserta yang menyertai pelbagai acara pada karnival tersebut.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Karnival, Dayang Maryama Ag. Daud, selain hadiah wang tunai yang lumayan, para pemenang setiap kategori juga akan diberi hadiah lain seperti hamper dan medal di samping hadiah cabutan bertuah untuk acara Larian Rakan Sukan yang merupakan salah satu acara yang dianjurkan.

Katanya, selain Larian Rakan Sukan, acara lain yang dianjurkan ialah Bola Tampar Terbuka (Lelaki dan Wanita), Bola Jaring dan Bola Sepak.

Menurutnya lagi johan Bola Tampar Lelaki dan Wanita, Bola Jaring akan menerima hadiah bernilai RM1000 berserta medal, Naib Johan RM700.00, ketiga bernilai RM500.00. Manakala johan bola sepak 9 Sebelah akan menerima hadiah bernilai RM500.00 tidak termasuk medal, naib johan RM300 dan ketiga RM100.00 juga tidak termasuk medal dan piala pusingan.

Bagi acara larian sejauh 5km hingga 10 km pula yang akan diadakan pada 5 September di Kampus UMS Teluk Sepang menyediakan hadiah bernilai kira-kira RM5000.00 tidak termasuk medal dan hamper.

Borang-borang penyertaan untuk menyertai pelbagai acara karnival tersebut boleh diperolehi dari Pejabat Hal-ehwal Pelajar UMS (Jalan Tuaran dan Kolej Kediaman King Fisher) Pondok Pengawal di Pintu Masuk Kampus UMS (UMS Jalan Tuaran dan Kampus Tetap Teluk Sepang).

Tarikh tutup untuk acara sukan permainan ialah pada 6 Ogos 1999 sebelum jam 5.00 petang, manakala tarikh tutup menghantar borang larian ialah pada 28 Ogos 1999 sebelum jam 12.45 petang.

Sebarang pertanyaan mengenai Karnival Sukan bolehlah menghubungi:

Puan Katijah Hj Serudin (088-493411 samb. 235)

Mohd Asyraff Fong (088-493411 samb. 238)

Dayang Maryama (019-3642831)

Encik Vaea Sarma (018-9869192)